

# Lapor polis jika jadi mangsa jenayah

## SERI KEMBANGAN

Mangsa jenayah sama ada membabitkan kerugian besar atau kecil dinasihatkan membuat laporan polis bagi membantu pihak berkuasa itu menjalankan siasatan menyeluruh.

Pengerusi Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Dr Yee Choy Leong berkata, tiga kejadian samun yang berlaku serentak pada 25 Januari lalu sepatutnya menjadi pengajaran kepada penduduk setempat agar lebih berhati-hati.

Namun katanya, apa yang dikesalkan apabila ada antara mangsa enggan membuat laporan polis kerana tidak mengalami kerugian meskipun menjadi mangsa perlakuan jenayah.

"JKKKP memandang serius masalah kes jenayah samun yang berlaku berturutan pada awal pagi hari yang sama membabitkan penjaja wanita di pasar Seri Kembangan.

"Malah pihak kami dimaklumkan bukan sahaja penjaja menjadi sasaran tetapi penduduk setempat juga ada yang menjadi



## Tiga kes samun dalam tempoh sehari

SERI KEMBANGAN - Tiga kes samun yang berlaku serentak pada 25 Januari lalu membabitkan mangsa jenayah sama ada membabitkan kerugian besar atau kecil dinasihatkan membuat laporan polis bagi membantu pihak berkuasa itu menjalankan siasatan menyeluruh.

Pengerusi Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Dr Yee Choy Leong berkata, tiga kejadian samun yang berlaku serentak pada 25 Januari lalu sepatutnya menjadi pengajaran kepada penduduk setempat agar lebih berhati-hati.

Namun katanya, apa yang dikesalkan apabila ada antara mangsa enggan membuat laporan polis kerana tidak mengalami kerugian meskipun menjadi mangsa perlakuan jenayah.

"JKKKP memandang serius masalah kes jenayah samun yang berlaku berturutan pada awal pagi hari yang sama membabitkan penjaja wanita di pasar Seri Kembangan.

"Malah pihak kami dimaklumkan bukan sahaja penjaja menjadi sasaran tetapi penduduk setempat juga ada yang menjadi

● Laporan Sinar Harian semalam berhubung kejadian kes samun yang berlaku di Seri Kembangan sehingga membimbangkan penjaja kecil di situ. mangsa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini dalam usaha mengumpul maklumat mereka yang menjadi mangsa dan perkara itu diajukan dalam mesyuarat Kepolisan Masyarakat (CP) diadakan bersama Ketua Balai Polis Seri Kembangan.

"Disebabkan itu, saya menggesa mangsa jenayah dapat membuat laporan polis kerana pihak berkuasa itu memerlukan maklumat sebagai petunjuk aktiviti jenayah yang berlaku.

"Polis perlu mengumpul statistik dan maklumat diberikan perlu dalam usaha membanteras kegiatan jenayah," katanya.

Dalam pada itu, Choy Leong turut menggesa polis menjalankan rondaan dengan lebih kerap terutama pada waktu awal pagi supaya penjenayah akan berasa takut melakukan jenayah kepada mangsanya.

JKKKP memandang serius masalah kes jenayah samun yang berlaku berturutan pada awal pagi hari yang sama membabitkan penjaja wanita di pasar Seri Kembangan."

- Yee Choy Leong